

10/03/2003

Dua setinggan akan dipindah

KUALA LUMPUR: Sebanyak 110 rumah setinggan di Kampung Cendana dan Kampung Katijah dekat Jalan Tun Sambanthan akan dipindah ke kawasan penempatan baru bagi membolehkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengindahkan kawasan itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata proses meroboh akan dilakukan secepat mungkin selepas DBKL mengenal pasti tempat kediaman sesuai penduduk terbabit.

"Kita kenal pasti ada tiga bidang tanah yang dibina rumah setinggan. Di Kampung Cendana ada 60 rumah, manakala Kampung Katijah 50 buah rumah," katanya pada sidang akhbar selepas meninjau lokasi sekitar laluan KL Monorel.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika meninjau operasi tren itu di pangkalannya di Jalan Tun Sambanthan baru-baru ini difahamkan tidak berpuas hati dengan beberapa lokasi sepanjang 8.6 kilometer laluan tren kerana mencacatkan pemandangan ibu kota.